

Zahid seru pisahkan Islam dari Isis
Malaysian Insider
Dec 14, 2015
Oleh KC Nazari

Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi hari ini menyeru umat Islam agar memisahkan agama itu daripada penganas Negara Islam Iraq dan Syria (Isis) kerana ia tidak pernah menganjurkan keganasan.

Timbalan perdana menteri yang juga menteri dalam negeri itu berkata, orang Islam berperanan "memadamkan Islamofobia dari ingatan orang bukan Islam".

"Sekarang masanya Islamophobia perlu dipadam dari memori bukan Islam. Islam tidak pernah menyeru kita terlibat dengan daulah Islamiah yang juga dikenali sebagai Negara Islam.

"Islam tidak pernah mengajar kita membunuh orang lain," katanya sewaktu berucap di Persidangan Halal anjuran Standards and Metrology Institute for the Islamic Countries di Kuala Lumpur, pagi ini.

Menurutnya, umat Islam tidak perlu bermegah membuktikan diri mereka satu kuasa ketenteraan sebaliknya, mereka perlu bekerjasama dengan negara lain terutamanya dalam meluaskan produk dan perkhidmatan halal.

Zahid pada Oktober lalu mengumumkan Malaysia akan mewujudkan Pusat Serantau Digital Memerangi Mesej Melalui Komunikasi untuk memerangi penyebaran ideologi dan propaganda kumpulan militan Isis menerusi Internet.

Menurutnya, pusat dengan bantuan Amerika Syarikat itu diwujudkan kerana negara itu memilih Malaysia susulan komitmennya dalam menangani ancaman keganasan antarabangsa dan kegiatan jenayah rentas sempadan. – 14 Disember, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/zahid-seru-pisahkan-islam-dari-isis>